

Kanak-kanak ceria terima sumbangan

SEREMBAN - Bagi memberi kegembiraan kepada 70 kanak-kanak kurang kemampuan menyambut Deepavali, Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan (NSWO) bersama Wanita MIC dan Klana Resort Seremban menyampaikan sumbangan dan wang tunai.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Yang Dipertua NSWO, Raja Datin Seri

Salbiah Tengku Nujumudin dalam satu majlis di Klana Resort Seremban.

Salbiah berkata, sebanyak RM5,000 jumlah sumbangan daripada NSWO dan tambahan RM3,000 daripada Wanita MIC negeri dan Klana Resort Seremban.

Hadir sama, Ketua Wanita MIC negeri, Dr Thanalecthumy.



Salbiah (tengah) bersama kanak-kanak dari keluarga kurang mampu pada majlis Sambutan Hari Deepavali 2016 di Klana Resort Seremban, baru-baru ini.